

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK ALEXANDER NANTA LINGGI [KAPIT]

TARIKH : 2.12.2019 (ISNIN)

SOALAN

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan sama ada Kementerian ini akan terus dengan cadangan melantik pengerusi JKKK atau Tuai Rumah untuk kampung-kampung dan rumah-rumah panjang di Sarawak mulai Januari tahun 2020.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pelantikan JKKK dan Tuai Rumah untuk kampung-kampung dan rumah-rumah panjang di Sarawak adalah bidang kuasa Kerajaan Negeri Sarawak. Kementerian Pembangunan Luar Bandar tidak berhasrat untuk untuk mencampuri urusan berkenaan.

Walau bagaimanapun, bagi memastikan institusi pentadbiran di peringkat kampung dapat melaksanakan fungsi dengan berkesan, Jemaah Menteri dalam mesyuarat pada 18 Oktober 2019 telah bersetuju dengan cadangan penubuhan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung Persekutuan (MPKKP) di negeri yang tidak ditadbir oleh Kerajaan Persekutuan termasuk di Sarawak.

Ia bertujuan untuk:

- (i) membantu Kerajaan Persekutuan di negeri berkaitan untuk merancang pembangunan di peringkat kampung;
- (ii) menyalurkan maklumat keperluan pembangunan masyarakat kampung kepada Kerajaan Persekutuan;
- (iii) menyampaikan maklumat, memberi penjelasan dan merealisasikan dasar-dasar Kerajaan Persekutuan hingga ke peringkat akar umbi; dan
- (iv) merancang dan melaksana program di kampung melalui permohonan Geran yang disediakan.

MPKKP yang dilantik ini akan melaksanakan tugas-tugas yang berkaitan dengan fungsi Kerajaan Persekutuan. Urusan-urusan yang melibatkan Kerajaan Negeri akan masih lagi dilaksanakan oleh JKKK lantikan Kerajaan Negeri Sarawak.

Sekian, terima kasih.